



Isnin, 4 April 2016

## 1. 1MDB tidak terlibat pelaburan Red Granite Pictures

KUALA LUMPUR 3 April - Firma pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) menjelaskan pihaknya tidak pernah melabur dan tidak pernah memindahkan dana ke Red Granite Pictures sama ada secara langsung mahupun melalui perantaraan.

1MDB menjelaskan, sebarang kenyataan yang mendakwa penglibatan firma itu dalam syarikat produksi tersebut adalah tidak benar.

"Kami menafikan sebarang cadangan bahawa 1MDB membiayai produksi The Wolf of Wall Street atau terlibat dalam pembikinan filem berkenaan dalam apa jua kapasiti seperti mana yang dituduh dan dikeluarkan dalam laporan-laporan media baru-baru ini," kata 1MDB dalam satu kenyataan di sini hari ini.

The Wolf of Wall Street ditayangkan pada tahun 2013 merupakan antara filem yang mencatatkan jualan tiket tertinggi di Amerika Syarikat dengan penampilan aktor terkenal, Leonardo Di Caprio.

Filem itu diarahkan oleh Martin Scorsese yang mengambil masa penggambaran selama enam tahun.

Filem tersebut dikatakan menelan perbelanjaan kasar kira-kira AS\$400 juta (RM1.55 bilion) selain mendapat pencalonan lima anugerah dalam Academy Awards termasuk anugerah gambar terbaik.



Khamis, 7 April 2016

## 2. Siasat mantan CEO 1MDB - PAC

KUALA LUMPUR 7 April - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) meminta pihak agensi penguat kuasa menyiasat mantan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan pihak pengurusan lain atas kelemahan-kelemahan pengurusan syarikat itu.

PAC mendapati terdapat kelemahan dan kekangan-kekangan dalam 1MDB dan pihak pengurusannya perlu mengambil tanggungjawab di atas kelemahan itu.

PAC turut mencadangkan Lembaga Penasihat 1MDB dimansuhkan, bersama artikel 117 di dalam memorandum artikel syarikat.

Cadangan dan rumusan itu terkandung dalam laporan PAC berhubung kawalan pengurusan tadbir urus 1MDB yang diedarkan di Dewan Rakyat hari ini. - BERNAMA



Khamis, 7 April 2016

### **3. Prestasi kewangan 1MDB kurang memuaskan, PAC setuju langkah kerajaan**

KUALA LUMPUR 7 April - Hasil siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ke atas 1Malaysia Development Bhd (1MDB) mendapati struktur pembiayaan modal dan prestasi kewangan syarikat strategik itu 'kurang memuaskan', yang menjurus kepada kelemahan tadbir urus.

Namun, PAC mendapati bahawa kerajaan telah mengambil langkah serta-merta untuk memperbaiki masalah aliran tunai syarikat yang mula timbul pada November 2014.

Dalam Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB, PAC berkata, 1MDB bergantung kepada hutang dalam bentuk pinjaman bank, bon dan sukuk, sebagai modal syarikat, dengan sebahagian hutang tersebut mendapat jaminan kerajaan atau surat sokongan kerajaan.

"Tahap hutang dan pembayaran faedah terlalu tinggi berbanding aliran tunai syarikat.

"Oleh itu, 1MDB bergantung kepada pembiayaan semula sebagai pembayaran balik hutang matang, dan mengambil hutang baharu, antara lain untuk pembayaran faedah hutang sebelumnya," menurut laporan itu.

Laporan tersebut menjelaskan model perniagaan 1MDB yang terlalu bergantung kepada pinjaman mengakibatkan syarikat tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membiayai pinjaman dan kos operasinya.

Laporan setebal 106 halaman itu turut mendedahkan terdapat beberapa pelaburan dan pinjaman besar yang dibuat tanpa penilaian terperinci, termasuk penelitian impak terhadap aliran tunai syarikat.

"Pihak Lembaga Pengarah didapati gagal melaksanakan tanggungjawab dan menjaga kepentingan syarikat dan pemegang saham, serta tidak mengambil tindakan proaktif dalam meneliti aktiviti pihak pengurusan dan aliran tunai hadapan syarikat.

"Lembaga Pengarah perlu mengawal selia dengan lebih rapi, termasuk mempersoalkan harga belian aset dan kos hutang," kata laporan yang dibentangkan di Dewan Rakyat itu hari ini.

PAC berpendapat Lembaga Penasihat syarikat perlu dimansuhkan bersama Artikel 117 dalam memorandum dan artikel syarikat, dengan segala rujukan kepada Perdana Menteri perlu ditukar kepada Menteri Kewangan, selaras dengan peruntukan syarikat lain milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Anak-anak syarikat dan aset milik kumpulan 1MDB seperti Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia, tanah Air Itam, dan tanah Pulau Indah, seharusnya diserahkan kepada MKD supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti. - BERNAMA



**Khamis, 7 April 2016**

#### **4. RM42 bilion hilang tidak berasas**

KUALA LUMPUR 7 April - Hasil siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ke atas 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) mengesahkan tuduhan salah laku terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melalui kempen anti-Najib oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah tidak berasas.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, perkara itu terbukti apabila dakwaan yang dibuat Dr. Mahathir bahawa RM42 bilion hilang daripada 1MDB sebenarnya tidak berlaku.

"Mereka mungkin mempunyai strategi perniagaan yang lemah, tetapi tidak ada bukti yang menunjukkan berlakunya perbuatan jenayah.

"Jadi ia jelas memperlihatkan bahawa kempen Dr. Mahathir untuk menukar kerajaan di luar pilihan raya umum, dengan mendakwa wujudnya salah laku di 1MDB telah gagal," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Malah, beliau berkata, 1MDB telah berjaya melakukan rasionalisasi, kerana aset 1MDB adalah lebih besar daripada liabilitinya.

"Keadaan itu berbeza dengan Proton yang memerlukan jaminan kerajaan kira-kira RM2 bilion untuk meneruskan operasinya. Ironinya ialah walaupun beliau (Dr. Mahathir) telah membuat tuduhan palsu bahawa 1MDB sedang menghadapi masalah kewangan, yang sebenarnya sedang berhadapan dengan situasi tersebut adalah Proton di bawah kepimpinan beliau jika kerajaan tidak memilih untuk menyelamatkannya.

"Dr. Mahathir dan mereka yang bersekongkol dalam kempen anti-Najib harus bertanggungjawab kerana telah menjejaskan reputasi negara," ujarinya.

Dalam nada sama, Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Liang Teck Meng berkata, menerusi audit yang dibuat terhadap 1MDB, jelas menunjukkan tidak berlaku salah guna dananya.

"Jika berlaku salah guna dana, pasti ia dapat dikesan melalui audit yang dibuat oleh PAC, namun apa yang mereka (Dr. Mahathir serta pembangkang) fitnah itu sebenarnya tidak wujud.

"Oleh itu, saya minta jangan cuba mempolitikkan isu ini kerana ia hanya memberi gambaran yang buruk kepada pemimpin dan negara," katanya.



**Jumaat, 8 April 2016**

#### **5. Laporan Ketua Audit Negara masih dokumen OSA**

KUALA LUMPUR 7 April - Laporan rasmi daripada Ketua Audit Negara berhubung siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak dibahaskan di Dewan Rakyat kerana diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia berkata, laporan berkenaan hanya dibentangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kepada Dewan Rakyat, namun tidak boleh didedahkan kepada umum.

"Saya diberitahu oleh Ketua Audit Negara bahawa laporan itu adalah laporan khas dibuat untuk PAC dalam soal penyiasatan hal 1MDB dan menurut beliau, dokumen itu diklasifikasi sebagai dokumen rahsia dan sehingga setakat ini dokumen itu belum lagi boleh 'dibuka'.

"Oleh itu, saya tidak dibenarkan mendedahkan perkara-perkara yang masih rahsia dan tidak boleh dibentangkan di dalam Dewan Rakyat. Kalau saya benarkan, saya melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972 di bawah Akta 88," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan R. Sivarasa (PKR-Subang) berhubung perbincangan berkenaan laporan PAC terhadap 1MDB yang dikeluarkan di Dewan Rakyat hari ini.

PAC hari ini membentangkan Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB di Dewan Rakyat.

## **6. PAC puas hati tindakan kerajaan sejak 2014**

### **Ambil langkah serta-merta perbaiki masalah aliran wang tunai 1MDB**

KUALA LUMPUR 7 April - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengedarkan laporan akhir pengauditan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Parlimen hari ini, yang juga boleh diperoleh melalui laman web jawatankuasa itu.

Menurut laporan itu, hasil siasatan PAC ke atas 1MDB mendapati struktur pembiayaan modal dan prestasi kewangan syarikat strategik itu didapati 'kurang memuaskan', yang menjurus kepada kelemahan tadbir urus.

Namun, PAC mendapati bahawa kerajaan telah mengambil langkah serta-merta untuk memperbaiki masalah aliran tunai syarikat yang mula timbul pada November 2014.

Berikut teks penuh rumusan dan cadangan PAC di dalam laporan tersebut:

1MDB telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan Malaysia. Antara lain, 1MDB diilhamkan sebagai pemangkin pembangunan strategik untuk menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing ke dalam negara (FDI).

Pada tahap awal, 1MDB telah melaksanakan beberapa projek secara "kerajaan kepada kerajaan" (G-to-G), di mana 1MDB telah membina hubungan bersama beberapa syarikat dari Asia Barat seperti Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu. Setelah itu, 1MDB telah menceburi bidang penjanaan kuasa elektrik dan hartanah, yang mana usaha telah dibuat untuk membawa masuk pelabur asing dan FDI dari Asia Barat, melalui memeterai memorandum persefahaman (MOU) dan usaha sama (joint venture).

Setelah diteliti, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendapati bahawa struktur pembiayaan modal dan prestasi kewangan Kumpulan 1MDB adalah kurang memuaskan. 1MDB bergantung kepada hutang (pinjaman bank, bon dan sukuk) sebagai modal syarikat, yang mana sebahagian hutang tersebut telah mendapat jaminan kerajaan atau surat sokongan kerajaan.

Hutang tersebut bermula pada tahap RM5 bilion pada tahun 2009 dan meningkat kepada RM42 bilion, berbanding aset sebanyak RM51 bilion, pada tahun kewangan berakhir 31.03.2014, di mana 1MDB membelanjakan sebanyak RM2.4 bilion untuk pembayaran faedah ke atas hutang.

Pada Januari 2016, hutang 1MDB mencecah RM50 bilion, berbanding aset RM53 bilion, di mana 1MDB membelanjakan sebanyak RM3.3 bilion untuk pembayaran faedah ke atas hutang antara 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015 (anggaran yang belum diaudit).

Adalah jelas bahawa tahap hutang dan pembayaran faedah terlalu tinggi berbanding dengan aliran tunai syarikat. Oleh itu, 1MDB bergantung kepada pembiayaan semula (refinance) untuk pembayaran balik hutang matang dan juga mengambil hutang baru untuk, antara lain, pembayaran faedah hutang sebelumnya.

Setelah beroperasi selama lima tahun, 1MDB menghadapi masalah ketidakseimbangan aliran tunai pada November 2014. Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah pada masa itu sedang bergantung kepada tawaran saham awam permulaan (IPO) syarikat milik penuh 1MDB, Edra Energy Berhad, untuk menjana dana, yang akan digunakan untuk pembayaran balik hutang dan pembayaran faedah.

Namun demikian, IPO tersebut tidak dapat dilaksanakan sebab faktor dalaman syarikat dan faktor luaran. Berikutan itu, kerugian pertama syarikat sebanyak RM665 juta yang diumumkan pada November 2014 telah menyebabkan keyakinan terhadap syarikat telah terhakis. Susulan itu, 1MDB tidak dapat membiayai semula hutang sebanyak RM2 bilion yang hampir matang pada masa tersebut.

Model perniagaan 1MDB terlalu bergantung kepada pinjaman dan ini amat membebankan syarikat dan tidak mampan kerana syarikat tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membiayai pinjaman dan kos operasinya.

PAC mendapati bahawa kerajaan telah mengambil langkah serta-merta untuk memperbaiki masalah aliran tunai syarikat yang mula timbul pada November 2014. Pada bulan Januari 2015, pengurusan tertinggi baru telah dibawa masuk selepas itu, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah menumpukan perhatian yang serius untuk menyelesaikan masalah syarikat.

Suatu kajian strategik telah dilaksanakan dan rumusan dibentangkan pada Februari 2015. Susulan itu, 1MDB dan MKD telah membentangkan pelan rasionalisasi kepada Jemaah Menteri pada 29 Mei 2015.

Sebagai sebuah syarikat kerajaan, 1MDB seharusnya mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus amalan terbaik (best practice). Setelah meneliti laporan akhir Jabatan Audit Negara dan prosiding PAC, PAC mendapati bahawa beberapa amalan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB yang menjurus kepada kelemahan tadbir urus.

Sebagai contoh, pihak pengurusan beberapa kali tidak mematuhi keputusan dan arahan Lembaga Pengarah ataupun mengambil tindakan sebelum kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah.

Terdapat beberapa pelaburan dan pinjaman besar yang dibuat tanpa penilaian terperinci (termasuk penelitian impak terhadap aliran tunai syarikat) dan beberapa keputusan besar telah dibuat melalui resolusi bertulis, berasaskan perbincangan pada mesyuarat sebelumnya. Pihak Lembaga Pengarah terlalu bergantung kepada dan seringkali menerima penjelasan pihak pengurusan, tanpa mendalami isu-isu yang berbangkit.

Sesungguhnya, pengalaman yang dilalui oleh 1MDB telah mendapat perhatian umum dan antarabangsa dengan begitu meluas. Ini adalah satu pengajaran kepada semua syarikat GLC negara ini tentang pentingnya tadbir urus yang cekap dan berintegriti diamalkan. Pengalaman ini juga relevan kepada kerajaan, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Apabila menyemak Laporan Akhir Jabatan Audit Negara dan menerima penjelasan 1MDB, secara rumusan PAC berpendapat bahawa terdapat kekangan dan kelemahan tertentu oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.

Secara khusus, PAC berpendapat bahawa bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi perlu mengambil tanggungjawab untuk kelemahan dan kekangan-kekangan tersebut.

Oleh itu, pihak agensi penguatkuasa diminta untuk membuat siasatan ke atas Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan pengurusan lain yang berkaitan.



**Jumaat, 8 April 2016**

#### **7. KWSP beli asset RM1.1 bilion**

KUALA LUMPUR 7 April - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dilaporkan telah membeli portfolio aset industri dan logistik di United Kingdom daripada IM Properties plc., satu daripada kumpulan hartanah milik persendirian terbesar British pada harga bernilai hampir 200 juta pound (RM1.1 bilion).

Menurut laporan The Birmingham Mail pada Selasa, KWSP telah mengambil alih The Hub di Witton serta beberapa tapak perindustrian dan pengedaran lain daripada IM Properties.

Katanya, hartanah baharu yang dibeli oleh KWSP itu akan menjadi 'rumah baharu' bagi Pasar Borong Birmingham yang merupakan pasar borong gabungan makanan terbesar United Kingdom (UK).

Jurucakap KWSP bagaimanapun menafikan laporan bahawa pembelian aset tersebut adalah bagi menjadi tapak baharu untuk Pasar Borong Birmingham.

"Saya boleh mengesahkan bahawa kami membeli portfolio aset industri dan logistik dari IM Properties pada harga hampir 200 juta pound (RM1.1 bilion) dan aset-aset berada di lokasi yang baik dan mampu menjana aliran tunai yang kukuh.

"Bagaimanapun ia bukan bagi pembangunan Pasar Borong Birmingham seperti yang didakwa," katanya.

KWSP berkata, pihaknya menyatakan hasrat untuk mengambil kepentingan dalam logistik dan sektor pengedaran di rantau itu selepas peningkatan yang kukuh dalam pasaran sejak dua tahun lepas.

Sementara itu, Pengarah Urusan IM Properties, Tim Wooldridge berkata, modal daripada jualan berkenaan akan digunakan untuk membeli tapak baharu dan menyokong projek-projek pembangunan sedia adanya termasuk penyusunan semula 55 Colmore Row di pusat bandar Birmingham dan

beberapa projek peluasan Blythe Valley Park, di Solihull yang akan merangkumi sebuah hotel dan kira-kira 750 buah rumah.

"Nilai dalam jualan telah didorong oleh kekuatan sektor automotif di rantau ini dan komitmen jangka panjangnya kepada syarikat-syarikat logistik syarikat pengedaran," katanya.

The Telegraph pula melaporkan bahawa portfolio yang diperoleh KWSP adalah yang terbesar yang dijual di Midland terdiri daripada 18 aset berasingan di taman-taman perniagaan dan perindustrian yang menjangkau dari Heathrow ke Birmingham.

Tambahnya, ia termasuk bangunan taman perniagaan Birch Coppice yang merupakan tapak pembangunan industri terbesar di Midlands yang dihubungkan dengan projek kereta api, dan turut menempatkan beberapa syarikat barangan dapur atas talian, Ocado, syarikat logistik UPS Inc. dan pengedar alat ganti van dan kereta terbesar UK, Euro Car Parts dan syarikat air UK, Severn Trent plc.

Katanya, KWSP berminat untuk menceburi sektor hartanah industri di UK berikutan peningkatan peruncitan Internet yang telah menyebabkan ledakan permintaan bagi ruang gudang.



Jumaat, 8 April 2016

#### **8. 1MDB jadi syarikat dormant jika aset diserahkan kepada MKD**

KUALA LUMPUR 7 April - Presiden dan Pengarah Eksekutif 1Malaysia Development Bhd. (1MDB), Arul Kanda Kandasamy berkata, syarikat tersebut akan menjadi syarikat dormant (tidak aktif), jika aset dan anak syarikatnya diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Berikutan itu, katanya, perbincangan mengenai status 1MDB akan dibuat bersama MKD dalam masa terdekat.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai saranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) supaya anak syarikat dan aset 1MDB diserahkan kepada MKD.

"Apabila kita lihat pelan rasionalisasi dan saranan PAC, jika anak syarikat dikeluarkan daripada 1MDB, 1MDB akan menjadi syarikat dormant.

"(Ini bermaksud) tiada operasi harian dan 1MDB hanya akan menerima aliran tunai oleh pelan rasionalisasi dan akan membayar hutang bon," kata beliau dalam satu temubual khas yang disiarkan TV3 hari ini.



Ketika ini, 1MDB masih memiliki aset termasuk Tun Razak Exchange dan 40 peratus kepentingan dalam Bandar Malaysia.

Sementara itu, Arul Kanda menjelaskan bahawa tawaran peletakan jawatan enam ahli lembaga pengarah 1MDB bukan tindakan untuk melarikan diri, malah memberi ruang siasatan lanjut ke atas syarikat tersebut secara lebih terbuka dan telus.

1MDB memiliki lebih tunai sebanyak RM2.96 bilion susulan jualan Edra Global Energy dan pelepasan kepentingan dalam Bandar Malaysia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tiada peruntukan kewangan dan tiada pampasan atau bayaran yang diminta daripada kesemua enam ahli lembaga pengarah berkenaan termasuk dirinya.

"Pihak berkuasa atau pihak penguat kuasa telah diminta oleh PAC untuk meneliti laporan ini.

"Jika ada kesalahan maka tindakan boleh diambil. Jika saya sendiri didapati telah melakukan kesalahan, saya bersedia untuk menerima apa yang ditentukan oleh pihak berkuasa," katanya. - BERNAMA



Jumaat, 8 April 2016

#### **9. RM42 bilion tidak hilang, dakwaan Mahathir tidak betul - Najib**

KUALA LUMPUR 7 April - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menunjukkan RM42 bilion tidak hilang daripada syarikat itu seperti didakwa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, di samping menunjukkan bahawa dakwaan dibuat oleh Dr. Mahathir itu adalah tidak betul, laporan itu telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam struktur modal dan pengurusan 1MDB.

"Kami akan teliti dan bertindak ke atas syor-syor dalam laporan itu.

"Kami akan memastikan pengajaran diambil daripadanya, dan tindakan akan diambil jika terdapat sebarang bukti kesalahan telah dilakukan," katanya dalam kenyataan bagi mengulas laporan itu, yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Najib berkata, kini sudah jelas bahawa dakwaan dilemparkan Dr. Mahathir terhadap 1MDB didorong oleh kepentingan peribadi, "bukan kepentingan negara, dan hasrat untuk menjatuhkan kerajaan".

Perdana Menteri berkata, beliau telah mengarahkan Kabinet pada Mac 2015 untuk meminta Ketua Audit Negara menjalankan siasatan bebas ke atas akaun kewangan 1MDB susulan pelbagai tuduhan dilemparkan terhadap 1MDB, seperti dakwaan Dr. Mahathir bahawa RM42 bilion telah hilang.

"Untuk memastikan ketelusan proses ini, kami juga telah mengarahkan supaya dapatan-dapatan itu dihantar untuk semakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang - sebuah badan dwipartisan yang turut dianggotai anggota Parlimen pembangkang," katanya.

Najib berkata, selepas melalui proses yang lengkap dan menyeluruh, PAC hari ini mengeluarkan laporan mengandungi dapatan-dapatannya di Parlimen.

"Laporan ini mewakili konsensus oleh anggota PAC, dan dapatan-dapatannya adalah berdasarkan fakta dan beratus-ratus jam menyemak dan menyiasat.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara dan PAC kerana mengeluarkan laporan yang komprehensif, konklusif dan muktamad.

"Selepas membacanya, saya mendapati laporan PAC menunjukkan bahawa RM42 bilion tidak hilang daripada 1MDB, seperti didakwa oleh Tun Mahathir," katanya.

Najib berkata, kerajaan akan terus memberi tumpuan terhadap "pelan ekonomi dan memperkukuhkan ekonomi - yang terus menunjukkan daya tahan dalam berdepan cabaran-cabaran global". - **BERNAMA**



**Rabu, 13 April 2016**

#### **10. 1MDB bayar semula RM950 juta kemudahan kredit tersedia kerajaan**

KUALA LUMPUR 12 April - Firma pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) sehingga kini telah membuat pembayaran semula sebanyak RM950 juta kemudahan kredit tersedia kerajaan.

Syarikat itu dalam kenyataan memberitahu, 1MDB juga kini memiliki sebanyak RM2.3 bilion tunai dalam bank.

Sehubungan kejayaan itu, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua tiada pilihan melainkan mengakui kejayaan yang dilakukan 1MDB dalam usaha memulihkan prestasi dan pelaksanaan rasionalisasi syarikat.

"Secara faktanya, walau apa pun cabaran dan kesukaran yang dibuat Tony kepada 1MDB, Presiden dan Pengarah Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy telah berjaya menjual aset-aset dan membayar semula hutang bank dalam jangka pendek," kata syarikat itu.

1MDB menjelaskan, pihaknya juga telah berkongsi segala dokumen miliknya dengan Jabatan Audit Negara (JAN).

Kata syarikat itu, sebab-sebab ketara turut dijelaskan secara relevan bagi setiap kegagalan yang wujud dalam 1MDB.

"Dokumen-dokumen yang sama kandungannya turut dikongsi di antara 1MDB dengan JAN yang menunjukkan pemilikan, pembayaran yang dibuat kepada pihak tertentu serta dokumen undang-undang asas berkaitan Aabar Investments PJS Ltd. (Aabar BVI).

"Oleh itu, tiada penipuan atau penindasan maklumat seperti mana yang dituduh oleh Tony. Terdapat pembayaran relevan dibuat di antara 2012 sehingga 2014. Terdapat rujukan yang jelas terhadap pembayaran itu secara umumnya menerusi penyata kewangan yang diaudit bagi tempoh 31 Mac 2013 sehingga 31 Mac 2014," katanya.

1MDB juga yakin terhadap kedudukan undang-undangnya berkaitan pembayaran deposit tunai AS\$3.5 bilion (RM13.6 bilion) kepada Aabar BVI.

Sehubungan itu, syarikat turut mencari pelbagai laluan terbuka untuk menyelesaikannya.

"1MDB komited untuk memberi kerjasama penuh kepada Polis Diraja Malaysia dengan penyiasatan yang dilakukan, disusuli saranan daripada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara.

"Syarikat sentiasa kekal berpendirian bahawa jika terdapat kesalahan dilakukan, tindakan harus diambil berdasarkan undang-undang," ujarinya.



Jumaat, 15 April 2016

#### **11. Kes 1MDB dibuka semula - KPN**

KUALA LUMPUR 14 April - Pasukan khas yang ditubuhkan untuk menyiasat semula isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan melihat sama ada wujud elemen jenayah atau kesalahan di bawah Akta Syarikat dalam siasatan yang dilakukan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, pasukan khas itu diketuai oleh beliau sendiri serta dianggotai pegawai daripada Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman.

Menurutnya, arahan untuk menyiasat semula kes tersebut diterima selepas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang dianggotai Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang,

mengeluarkan Laporan Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1MDB setebal 106 muka surat di Parlimen pada 7 April lalu.

"Selain elemen jenayah dan kesalahan Akta Syarikat, kita juga akan menjalankan siasatan secara menyeluruh mengikut Seksyen 409 dan Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Kita juga akan melihat laporan PAC dan beberapa langkah akan diambil selepas kita meneliti dokumen berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Derma Darah sempena Peringatan Hari Polis Ke-209 di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Khalid menjelaskan, siasatan ke atas kes itu tidak terhad kepada individu yang mempunyai kaitan dengan syarikat itu sahaja.

Ujarnya, sehingga kini, pihaknya telah merakam percakapan beberapa individu dan akan memanggil beberapa orang lagi termasuk bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi bagi membantu siasatan.



**Isnin, 18 April 2016**

## **12. 1MDB buat bayaran balik awal hutang RM2 bilion**

KUALA LUMPUR 18 April - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah membuat bayaran balik dengan penuh dan lebih awal kemudahan RM2 bilion daripada Marstan Investments NV.

Kemudahan itu dimeterai pada Februari 2015 dan hasilnya digunakan untuk membuat bayaran balik hutang RM2 bilion kepada satu sindiket bank tempatan, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

"Kemudahan itu diatur untuk 1MDB oleh Tanjong, sebagai pilihan kepada komitmen Tanjong untuk melabur ekuiti RM2 bilion dalam anak syarikat 1MDB, Powertek Investment Holdings Sdn Bhd," katanya.

Menurutnya, pembayaran balik itu menandakan peristiwa penting dalam pelan rasionalisasi 1MDB dan mengurangkan lagi obligasi hutang jangka pendek 1MDB. - BERNAMA

### **13. Pembantu tadbir dipenjara 58 tahun palsukan dokumen cagaran**

KUALA LUMPUR 19 April - Pembantu Tadbir Jabatan Akauntan Negara dijatuhi hukuman penjara 58 tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini selepas mengaku bersalah atas 29 pertuduhan memalsukan dokumen cagaran berharga berjumlah RM918,811.25.

Hakim Azman Ahmad menjatuhkan hukuman penjara dua tahun bagi setiap pertuduhan itu terhadap Rosinah Haron, 56, yang merupakan seorang ibu tunggal, dan memerintahkannya menjalani hukuman penjara dua tahun itu serentak, bermula hari ini.

Beliau juga memerintahkan keluarga tertuduh membayar kos pendakwaan sebanyak RM6,000, dan sekiranya gagal berbuat demikian, dia akan dipenjarakan enam bulan.

Hakim itu turut menasihatkan Rosinah supaya insaf dengan perbuatannya dan mengambil iktibar dengan apa yang berlaku serta tidak mengulangi perbuatan itu pada masa depan.

Bagi kesemua pertuduhan itu, Rosinah didakwa memalsukan suatu dokumen yang merupakan cagaran berharga iaitu baucar bayaran berjumlah RM918,811.25 antara 27 Ogos 2008 hingga 21 Disember 2010.

Dia didakwa melakukan kesemua kesalahan itu di Jabatan Akauntan Negara, Tingkat 42, Menara Maybank di sini mengikut Seksyen 467 Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan denda.

Mengikut fakta kes, tertuduh ditugaskan untuk membuat baucar bayaran kepada pemohon untuk bayaran balik wang tidak dituntut (WTD).

Pada 3 Mac 2011, bahagian pengurusan amanah dan sekuriti Jabatan Akauntan Negara telah menerima permohonan tuntutan WTD daripada Rahmah Mustafar dan penyedia baucar yang memasukan maklumat kad pengenalan pemohon dan mendapati ia wujud dalam sistem bayaran tetapi atas nama yang berbeza daripada nama pemohon.

Semakan seterusnya juga menunjukkan satu baucar bayaran bertarikh 16 Julai 2009 atas nama Zabidah Ali berjumlah RM40,000 diwujudkan oleh penyedia baucar bernombor 600214105784 milik tertuduh.

Lanjutan daripada beberapa semakan yang dilakukan oleh Timbalan Pengarah di Seksyen Pengurusan Amanah, Jabatan Akauntan Negara mendapati 29 baucar bayaran WTD telah dibuat dan dipalsukan tertuduh dengan kesemua 29 permohonan itu menggunakan nama orang lain tetapi bayarannya dimasukkan ke akaun tertuduh dan anggota keluarganya. - BERNAMA

#### **14. 20 Kementerian capai petunjuk prestasi utama**

PUTRAJAYA 21 April - Sebanyak 20 kementerian berjaya mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) 100 peratus bagi Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) yang ditetapkan untuk tahun 2015, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, secara keseluruhannya, sebanyak 98 KPI PEB ditetapkan tahun lalu bagi kesemua 25 kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri dan pencapaian KPI meliputi kesemua kementerian itu adalah kira-kira 80 peratus.

Katanya, antara pencapaian KPI PEB tahun lalu adalah nilai kontrak kumulatif berjumlah RM4.1 bilion diberikan kepada kontraktor bumiputera untuk projek jalur lebar kelajuan tinggi, pemindahan teknologi kepada bumiputera dengan nilai kontrak kira-kira RM120.8 juta dan penjenamaan nilai pasaran sebanyak RM2.3 bilion.

"Penetapan KPI ini adalah penting dalam memastikan agenda PEB sebagai agenda nasional yang dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Pelaksanaannya yang merentasi kementerian juga adalah selari dengan usaha kerajaan dalam membangunkan negara secara inklusif," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Datuk Husni Salleh; Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp.), Datuk Hafsah Hashim.

Dalam majlis berkenaan, Najib turut menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara SME Corporation Malaysia (SME Corp.) dengan Mara serta lapan persatuan dan dewan perniagaan bumiputera bagi menjayakan inisiatif Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB).

Selain itu, Perdana Menteri juga menyaksikan pertukaran dokumen kolaborasi strategik antara Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) dengan Yayasan Pahang serta penyampaian sijil kepada pemegang-pemegang biasiswa di bawah Yayasan Peneraju.

Dalam pada itu, Najib memberitahu, bagi tahun ini, sebanyak 93 KPI PEB ditetapkan bagi kesemua 25 kementerian dengan sasaran impak dan keberhasilan yang lebih tinggi kepada komuniti ekonomi bumiputera.

Katanya, antara sasaran KPI PEB bagi 2016 adalah pencapaian 50.6 peratus nilai kontrak bumiputera berbanding keseluruhan kos projek MRT1 dan pencapaian 25 peratus nilai kontrak bumiputera berbanding keseluruhan kos projek Warisan Merdeka Menara PNB118.

Turut disenaraikan dalam sasaran KPI itu adalah 30 peratus pengagihan kepada kontraktor bumiputera dalam projek-projek pembinaan lebuhraya utama serta penghasilan kajian pembangunan kerangka operasi dan pelan perniagaan Wakaf Nasional Berhad.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program GEB, beliau memberitahu, sebanyak 400 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) disasarkan terlibat dalam program berkenaan yang bertujuan memberi bantuan bersepadu dan meningkatkan keupayaan eksport syarikat-syarikat PKS bumiputera.

Berhubung pencapaian pelajar-pelajar tajaan Yayasan Peneraju, Najib berkata, kadar kelulusan pelajar-pelajar tajaan yayasan berkenaan dalam pensijilan perakaunan profesional adalah 75.3 peratus, iaitu lebih tinggi berbanding kadar purata kelulusan global sebanyak 67.6 peratus.



Jumaat, 22 April 2016

#### **15. Pengubahan wang haram**

Setiausaha KBS, 3 ahli perniagaan mengaku tidak bersalah hadapi 191 pertuduhan

KUALA LUMPUR 21 April - Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang sebelum ini didakwa atas 32 pertuduhan menyalahgunakan kedudukan dan membuat tuntutan palsu melibatkan nilai RM38.4 juta dihadapkan ke mahkamah sekali lagi hari ini.

Kali ini, Otman Arsahd, 57, didakwa dengan tiga ahli perniagaan termasuk sepasang suami isteri atas 191 pertuduhan melibatkan aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM16.62 juta, empat tahun lalu.

Otman, Halmi Khalid, 35, Siti Rohanah Hussien, 42, dan Abdul Gafar Abdurahiman, 42, masing-masing mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan masing-masing yang dibacakan kepada mereka di hadapan tiga hakim Mahkamah Sesyen di sini iaitu Hakim Allaudeen Ismail, Sohaini Alias dan Mohd. Nasir Nordin.

Otman menghadapi 64 pertuduhan, manakala Siti Rohanah dan suaminya, Abdul Gafar masing-masing menghadapi 63 pertuduhan, manakala Halmi pula didakwa atas satu pertuduhan. Setiap tertuduh didakwa secara berasingan.

Di hadapan Mohd. Nasir, Abdul Gafar yang merupakan pengarah di tiga syarikat, Enconic Corporation Sdn. Bhd., GPO Essence Sdn. Bhd. serta Gapa Jitu Sdn. Bhd. didakwa atas 63 pertuduhan memindahkan wang berjumlah RM15,723,000 ke dalam akaun bank milik Otman melalui 63 transaksi.

Sementara itu, di hadapan Sohaini, Siti Rohanah yang juga pengarah bagi ketiga-tiga syarikat tersebut turut didakwa atas kesalahan sama.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di beberapa cawangan bank antaranya RHB Bank, CIMB Bank dan Maybank di Jalan Raja Laut, Jalan Tun Perak, Selayang dan Putrajaya antara 7 Mac 2012 dan 11 Disember 2015.

Di depan Allaudeen pula, Halmi yang merupakan pengarah syarikat Halda Prestige Ventures didakwa memindahkan wang berjumlah RM900,000 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram ke akaun milik Otman di RHB Bank Plaza Damas 3, Sri Hartamas, di sini melalui deposit tunai pada 10 Disember 2015.

Di hadapan hakim yang sama, Otman didakwa atas 64 pertuduhan iaitu menerima wang berjumlah RM16,623,000 yang merupakan hasil daripada aktiviti haram melalui 64 transaksi ke akaun miliknya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di beberapa cawangan bank antaranya RHB Bank dan Maybank di Jalan Raja Laut, Jalan Tun Perak, Sri Hartamas, Selayang dan Putrajaya antara 7 Mac 2012 dan 11 Disember 2015.

Mereka masing-masing didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001 dan Seksyen 4(1)(b) Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Pertuduhan mengikut AMLATFA memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda sehingga RM5 juta atau kedua-duanya manakala pertuduhan di bawah AMLATFPUAA membawa hukuman penjara maksimum 15 tahun dan boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda hasil aktiviti haram atau RM5 juta, mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi dan Husmarudin Husin manakala pasangan suami isteri itu diwakili peguam Wan Azmir Wan Majid, Otman pula diwakili oleh peguam Fahmi Abd. Moin.

Halmi diwakili peguam Ridha Abdah Subri.

Mahkamah membenarkan Abdul Gafar dan isterinya masing-masing diikat jamin RM70,000, manakala Halmi sebanyak RM60,000 dan Otman pula RM100,000.

Kesemua jaminan adalah berserta seorang penjamin dan syarat tambahan iaitu pasport kesemua tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 24 dan 31 Mei ini untuk sebutan semula kes.



Sementara itu, bagi pengurusan kes melibatkan Otman berhubung pertuduhan menyalah guna kedudukan dan membuat tuntutan palsu, Allaudeen menetapkan perbicaraan selama 20 hari bermula 19 September depan.



Sabtu, 23 April 2016

#### **16. Hampir 70 pegawai kerajaan ditukar**

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 pegawai telah ditukarkan secara dalaman di jabatan mereka manakala selebihnya telah bertukar ke jabatan dan kementerian lain.

Kata beliau, pertukaran seumpama itu akan dijadikan sebagai amalan biasa bagi kerajaan mulai sekarang dalam usaha memastikan seseorang pegawai itu tidak memegang jawatan tertentu dalam tempoh yang lama.

"Saya ingin menegaskan bahawa pegawai-pegawai ini berprestasi cemerlang. Apa yang penting adalah sumbangan mereka diberikan kepada agensi-agensi yang lain.

"Pertukaran ini akan berlaku dari semasa ke semasa, apabila seseorang itu mencapai tiga hingga lima tahun ke atas, kalau jawatan itu terlalu sensitif lebih elok kita tukarkan mereka.

"Pegawai-pegawai ini juga sememangnya faham tentang garis panduan yang dikeluarkan oleh perkhidmatan awam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Boling Kebangsaan Piala KSN dan Boling Persahabatan Pesara di sini hari ini.

Sebelum ini, Ali mengumumkan sebanyak 50 pegawai yang menyandang jawatan sensitif dalam kerajaan akan ditukarkan secara dalaman atau ke kementerian lain bermula bulan ini.

Beliau berkata, semua pegawai tersebut telah dikenal pasti dan melibatkan mereka yang telah berkhidmat dalam lingkungan dan melebihi lima tahun di beberapa bahagian termasuk Bahagian Perolehan, Kewangan dan Kontrak.

Katanya, pertukaran dibuat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 Panduan Pertukaran Pegawai Awam selain susulan kes penyalahgunaan kuasa di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) baru-baru ini. - UTUSAN ONLINE